

MERAJA DALAM HAYAT

Mesej Lapan

Meraja dalam Hayat

Bacaan Bible: Roma 5:10, 17, 21; 12:5-7; 16:1-16, 20

I. Penyelamatan lengkap Tuhan adalah untuk kita meraja dalam hayat melalui kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran—Roma 5:17, 21:

- A. Meraja dalam hayat ialah pengalaman penuh terhadap penyelamatan organik Tuhan—ay. 10, 17, 21.
- B. Berian keadilbenaran adalah untuk penebusan judisial Tuhan; kurnia adalah untuk kita mengalami penyelamatan organik Tuhan—1:17; 5:10:
 1. Berian keadilbenaran ialah penebusan judisial Tuhan diaplikasikan pada kita secara praktikal—3:24, 26.
 2. Kurnia ialah Tuhan sendiri sebagai bekalan yang serba mencukupi untuk penyelamatan organik kita—1 Kor. 15:10; 2 Kor. 12:9.
- C. Pencapaian tertinggi daripada mengejar Kristus ialah meraja bersama dengan Kristus dalam hayat divin-Nya menerusi kurnia-Nya yang melimpah-ruah—Flp. 3:13-14; Roma 5:17, 21:
 1. Meraja dalam hayat bererti menakluki, menundukkan, dan memerintah Syaitan, dunia, dosa, tubuh daging, diri kita, dan semua keadaan dalam sekitaran—8:2, 35-37.
 2. Semua percayawan yang telah menerima kelimpahan kurnia dan kelimpahan berian keadilbenaran perlu berlatih agar dibatasi dan dihadkan dalam hayat divin—bd. Mat. 8:9.

II. Kita perlu memasuki pengalaman meraja dalam hayat—Roma 5:17, 21:

- A. Kita dilahirukan dengan memiliki hayat yang divin, rohani, syurgawi, rajani, dan diraja; hayat ini menabalkan kita sebagai raja untuk memerintah segala sesuatu—Yoh. 1:12-13; 3:3, 5; Wahi 5:10.
- B. Dari segi pengalaman, meraja dalam hayat bermaksud berada di bawah pemerintahan hayat divin—Mat. 8:9:
 1. Kristus ialah teladan meraja dalam hayat dengan berada di bawah pemerintahan hayat divin Bapa—bd. ay. 5-13.
 2. Dalam kehidupan dan ministrinya, Paulus ialah teladan seorang yang berada di bawah pemerintahan hayat divin—2 Kor. 2:12-14.
 3. Apabila kita meraja dalam hayat dengan berada di bawah pemerintahan hayat divin, kita diselamatkan daripada kuasa kegelapan—Kol. 1:13a.
 4. Apabila kita berada di bawah pemerintahan hayat divin, kita hidup dalam kingdom Anak yang dikasih Tuhan, iaitu kita diperintah dan dibatasi dalam kemanisan kasih—ay. 13b.
- C. Meraja dalam hayat bererti menundukkan segala keingkaran—Roma 5:17-18, 21:
 1. Roh yang meraja haruslah kuat dan hidup, aktif dan bukan pasif, positif dan bukan negatif, tekun dan bukan longgar.
 2. Orang yang mempunyai roh sedemikian bukan hanya mengekalkan kedudukan yang mengikut aturan dan tunduk kepada autoriti Tuhan, malah dia juga mempunyai iktikad yang kuat serta sentiasa melaksanakan autoriti Tuhan dalam kedudukan kenaikan ke syurga—Mat. 28:18; Ef. 2:6.
- D. Meraja dalam hayat bererti membiarkan hati kita diarahkan oleh Tuan—Ams. 21:1; 2 Tes. 3:5.

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Lapan (sambungan)

- E. Oleh sebab kita meraja dalam hayat sama seperti Tuhan, kita menjadi Tuhan dalam hayat, sifat, ekspresi, dan fungsi tetapi bukan dalam Ketuhanan—Roma 5:17, 21; Kol. 3:4; 2 Ptr. 1:4.

III. Dalam Roma 5, meraja dalam hayat ialah kunci kepada segala-gala dalam Roma 6—16:

- A. Kita perlu melihat segala-gala yang ada dalam bab 6 hingga 16 dalam cahaya ini.
- B. Meraja dalam hayat ditakrifkan dalam bab 6 hingga 16; semua perkara yang ditafsirkan dalam bab-bab ini bukan hasil daripada usaha kita tetapi hasil daripada kita menerima kelimpahan kurnia—5:21.
- C. Jika kita meraja dalam hayat, kita berada dalam semua perkara yang dibentangkan dalam bab 6 hingga 16.

IV. Hasil daripada kita meraja dalam hayat, berada di bawah pemerintahan hayat divin, ialah kehidupan Tubuh yang sebenar dan praktikal diekspresikan dalam kehidupan gereja—5:17, 21; 12:5-8:

- A. Setiap butir bagi pengamalan kehidupan Tubuh dalam Roma 12—13 menuntut kita supaya diperintah oleh hayat divin agar hidup terhadap Tuan—bd. 2 Kor. 5:14-15:
 1. Kita harus mempersebahkan tubuh kita sebagai korban hidup—Roma 12:1b.
 2. Kita tidak harus dibentuk mengikut zaman ini, tetapi kita harus ditransform melalui pembaruan minda—ay. 2.
 3. Kita tidak harus memikirkan diri kita lebih tinggi daripada yang patut kita fikirkan, tetapi berfikir sedemikian rupa agar berminda waras, menurut ukuran iktikad yang diperuntukkan Tuhan kepada setiap orang—ay. 3.
 4. Kita harus mempertimbangkan bahawa dalam Tubuh Kristus, kita mempunyai banyak anggota, dan semua anggota tidak mempunyai fungsi yang sama—ay. 4-5.
- B. Kita perlu menjalani kehidupan yang mempunyai virtu tertinggi demi kehidupan Tubuh dengan meraja dalam hayat:
 1. Kita harus mengasihi orang tanpa kemunafikan dan mengasihi satu sama lain dengan mesra dalam kasih dikbang—ay. 9a, 10a.
 2. Kita harus tekun dan jangan malas, dan kita harus membara-baru dalam roh, melayan Tuan—ay. 11.
 3. Kita harus bersabar-tahan dalam kesengsaraan—ay. 12b.
 4. Kita harus bergirang bersama dengan mereka yang girang, dan kita harus menangis bersama dengan mereka yang menangis—ay. 15.
 5. Jika mungkin, setakat mana bergantung pada kita, kita harus hidup dalam perdamaian dengan semua orang—ay. 18.

V. Kita perlu meraja dalam hayat dengan meniru dutus Paulus membawa gereja-gereja lokal ke dalam persekutuan Tubuh Kristus—16:1-16:

- A. Dalam kalangan gereja yang membentuk satu Tubuh Kristus yang universal, tidak ada organisasi, tetapi ada persekutuan Tubuh Kristus—Flp. 1:5.
- B. Persekutuan dalam kalangan gereja ialah persekutuan Tubuh Kristus—1 Kor. 10:16:
 1. Pemulihan Tuan adalah berdasarkan kebenaran bahawa Kristus hanya mempunyai satu Tubuh yang diekspresikan di banyak lokaliti sebagai gereja-gereja lokal—Ef. 1:22-23; 4:4; Wahi 1:11.

MERAJA DALAM HAYAT

Mesej Lapan (sambungan)

2. Oleh sebab terdapatnya satu Roh, maka hanya ada satu Tubuh, dan hanya ada satu peredaran hayat dalam Tubuh; peredaran ini ialah persekutuan Tubuh Kristus—Ef. 4:4; 1 Yoh. 1:3, 7.
 3. Persekutuan Tubuh Kristus ialah peredaran Roh itu; apabila Roh itu beredar dalam Tubuh Kristus, kedivinan, keinsanan, persona Kristus, kematian Kristus, dan kebangkitan Kristus semuanya turut beredar.
 4. Persekutuan divin ialah realiti kehidupan dalam Tubuh Kristus—1 Kor. 1:9; 12:12-13, 27.
 - C. Melalui persekutuan gereja-gereja dalam Tubuh Kristuslah Tuhan damai sejahtera akan menghancurkan Syaitan di bawah kaki kita—Roma 16:20.
- VI. Roma 16 memberi kita teladan unggul tentang dutus Paulus dalam membawa semua pekudus ke dalam kehidupan pembauran seluruh Tubuh Kristus; dalam kehidupan beginilah kita benar-benar dapat meraja dalam hayat—5:17:**
- A. Paulus memberi salam kepada pekudus, satu demi satu, dengan menyebut sekurang-kurangnya dua puluh tujuh nama; ini menunjukkan bahawa dia banyak mengetahui, memahami, dan prihatin akan setiap daripada mereka—16:1-16.
 - B. Pengesyoran dan pemberian salam oleh Paulus menyatakan keprihatinan sesama pekudus dan persekutuan saling-menyaling dalam kalangan gereja—bd. Kol. 4:15-16.